

157

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
KAWASAN : BUKIT GANTANG
TARIKH : 13 MAC 2018
NO. SOALAN : 51

SOALAN

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah nilai pelaburan Negara China ke negara ini sejak tahun 2010 hingga 2017 dan senaraikan projek berskala besar yang melibatkan pelabur daripada Negara China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah pelaburan asing Republik Rakyat China (RRC) ke Malaysia dalam sektor perkilangan yang telah diluluskan bagi tempoh 2010 hingga 2017 kesemuanya bernilai RM22.0 bilion. Projek-projek ini bakal menjana 38,643 peluang pekerjaan di Malaysia [embargo sehingga 6 Mac 2018].

2. Manakala jumlah pelaburan dari RRC yang telah direalisasikan sehingga 31 December 2017 adalah sebanyak RM13.2 bilion yang telah mewujudkan 32,527 peluang pekerjaan baharu dalam sektor-sektor seperti Produk Logam Asas, Elektronik dan Produk Elektrik, Produk Mineral Bukan Logam, Produk Tekstil dan Produk Fabrikasi Logam.

3. Antara pelaburan berskala besar dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia yang melibatkan pelabur daripada syarikat RRC adalah:

- (i) Alliance Steel (M) Sdn.Bhd. (logam asas);
- (ii) Ye Chiu Non-Ferrous Metal (M) Sdn Bhd (logam asas);
- (iii) Longi Solar (Kch) Sdn. Bhd. (industri solar);
- (iv) Jinko Solar Technology Sdn Bhd (industri solar);
- (v) Ji Kang Dimensi (M) Sdn Bhd (logam asas);
- (vi) Xinyi Solar (M) Sdn Bhd (industri solar);
- (vii) Xiamen University (perkhidmatan pendidikan); dan
- (viii) Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd. (ICT).

4. Syarikat-syarikat RRC juga turut terlibat dalam pembinaan projek-projek infrastruktur di Malaysia. Antara projek ikonik yang melibatkan pelaburan dari RRC termasuk:

i. **Forest City Iskandar Johor**

Melibatkan pelaburan komited sebanyak RM170 bilion. Ianya dijangka mengambil masa sehingga 20 tahun untuk dibangunkan dan akan menyediakan lebih 220,000 peluang pekerjaan baharu menjelang tahun 2035.

ii. **Projek Melaka Gateway**

Bernilai RM30 bilion, projek ini dijangka siap pada tahun 2025 dan bakal mewujudkan antara 40,000 dan 45,000 peluang pekerjaan. Ianya dijangka menarik kira-kira 2.5 juta pengunjung setahun. Nilai Pembangunan Kasar (*Gross Development Value - GDV*) bagi projek ini adalah sebanyak RM64 bilion.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HJ. ABDUL RAHIM BIN BAKRI
(KUDAT)**

TARIKH : 13 MAC 2018

RUJUKAN : 10571

SOALAN :

Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah tarikh sebenar pembinaan bangunan kekal Balai Polis Daerah Pitas dapat dilaksanakan. Penduduk daerah Pitas amat mengharapkan kemudahan ini dapat dilaksanakan pada tahun ini memandangkan kemudahan tersebut amat diperlukan.

177

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Balai Polis Pitas yang bertaraf Pondok Polis telah dinaiktaraf kepada Balai Polis dengan keanggotaan seramai 23 orang anggota pelbagai pangkat dan seorang pegawai berpangkat Inspektor. Komponen sedia ada beroperasi di atas tapak seluas 9 ekar seperti berikut:

“Sebuah bangunan Balai Polis jenis batu yang dibina pada tahun 2009 di bawah Pakej Ransangan Ekonomi [PRE] dengan kos lebih kurang RM200,000 dan sebuah bangunan papan iaitu bangunan Pondok Polis dengan dua (2) unit rumah [*detached*]”.